

25/02/1998

Stadium Bukit Jalil dirasmi serentak

Hussain Said

PEMBUKAAN rasmi Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil bakal diadakan serentak ketika kejohanan pra-sukan Komanwel yang ditetapkan pada 11 Julai ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, (gambar) berkata bagaimanapun cadangan pembukaan rasmi kompleks itu akan dikemukakan dalam mesyuarat Kabinet untuk mendapat kelulusan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri akan merasmikan kompleks sukan itu dan berharap cadangan yang dikemukakan nanti mendapatkan kelulusan Kabinet," katanya selepas melawat kompleks sukan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang akan menjadi gelanggang kriket dalam Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, semalam.

Selain stadium utama, stadium tertutup dan gelanggang hoki, renang serta skuasy, kompleks sukan bernilai RM1.2 bilion itu yang dijangka siap sepenuhnya Jun ini, turut menempatkan ibu pejabat Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN).

Malah, kawasan seluas 120 hektar di Bukit Jalil itu tidak akan hanya tertumpu kepada menganjurkan kejohanan sukan, malah akan diindahakan untuk tarikan pelancong serta taman rekreasi berkeluarga.

Menurut Muhyiddin, cadangan pembukaan rasmi kompleks sukan itu diadakan serentak dengan kejohanan pra-Sukan Komanwel supaya dapat menarik lebih ramai peminat, sekali gus menjadi simbol utama sejarah sukan negara.

Sementara itu, Kompleks Sukan PKNS yang menjadi gelanggang kriket serta siap sepenuhnya pertengahan April ini, dicadangkan menjadi gelanggang separuh akhir acara itu.

"Kemudahan dan keadaan padang di sini cukup baik dan kita hanya mengeluarkan peruntukan RM800,000 bagi kerja mengubahsuai. Malah, Sukom '98 dijangka turut menyediakan kemudahan kerusi untuk penonton bermula Jun ini."

"Dengan kemudahan yang baik, terdapat cadangan supaya gelanggang ini menganjurkan peringkat separuh akhir tetapi kita akan pertimbangkan terlebih dahulu," katanya.

(END)